

Soalan No :14

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH : 5.11.2014

SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan punca Universiti Johns Hopkins menamatkan kontrak dengan Sekolah Graduan Perubatan Universiti Perdana, status terkini, berapa pelajar terlibat, basiswa yang dibayar, jumlah yuran yang telah dibayar oleh Kerajaan dan adakah tindakan undang-undang terhadap atau diambil oleh Universiti Johns Hopkins.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian kolaborasi di antara Universiti Perdana dan Universiti Johns Hopkins merupakan *business to business arrangement*. Penamatan kolaborasi antara Universiti Perdana dan Universiti Johns Hopkins adalah disebabkan oleh pertikaian berhubung dengan jumlah bayaran yang dikenakan oleh Universiti Johns Hopkins kepada Universiti Perdana. Memandangkan tiada penyelesaian dan persetujuan dapat dicapai oleh kedua-dua pihak berkaitan perkara ini, Universiti Johns Hopkins memutuskan untuk tidak meneruskan usaha sama dengan Universiti Perdana bermula 31 Julai 2014.

Bilangan pelajar yang mengikuti pengajian di Universiti Perdana adalah

seramai 79 orang dengan jumlah pelajar yang ditaja oleh Jabatan Perkhidmatan Awam di Universiti Johns Hopkins adalah seramai 77 orang, melibatkan pelajar kemasukan tahun 2011, 2012 dan 2013. Manakala, dua (2) orang adalah pelajar antarabangsa di bawah tajaan persendirian (*self sponsored*). Sehingga tahun 2013, sejumlah RM32.69 juta telah dibelanjakan bagi membiayai pelajar berkenaan. Sehingga kini, tiada sebarang tindakan undang-undang terhadap atau diambil oleh Universiti Johns Hopkins.

RJM91